

## **SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT**

---

S.A. 2017/07/46 (HQ)

### **TNB PERJELAS POSTING DI MEDIA SOSIAL MENGENAI NOTIS "MAKLUM BALAS RUMAH BERKUNCI"**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ingin menafikan dakwaan satu posting di media sosial yang mendakwa notis "Maklum Balas Rumah Berkunci" sebagai notis palsu oleh pihak tertentu bagi tujuan rompak.

Posting yang sama juga telah dinafikan oleh TNB apabila ia pertama kali ditularkan setahun yang lalu.

"Untuk makluman, notis yang ditularkan telah dikeluarkan sebagai satu prosedur biasa," kata Pengurus Besar Kanan (Perkhidmatan Pengguna), Bahagian Pembahagian TNB, Ir. Kamaliah Abdul Kadir.

"Ia dikeluarkan apabila warga kerja tidak dapat mengakses meter disebabkan premis pengguna tidak dapat dimasuki akibat pintu pagar berkunci atau terdapat halangan lain."

Beliau menambah notis dalam format baharu telah pun digunakan untuk menggantikan notis seperti yang telah ditularkan.

Pengguna dinasihatkan agar tidak berkongsi posting tersebut kerana ia telah menyebabkan gangguan kepada pegawai yang namanya tertera di notis berkenaan.

"Pengguna juga dinasihatkan untuk menghubungi pegawai khidmat pelanggan kami ditalian 1300885454 atau pejabat TNB yang berdekatan sekiranya menerima sebarang notis yang mencurigakan," katanya lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, jam 11:45 pagi, 13 Julai 2017**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617)  
[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*